


[FOTO ZULFAHDLI ZULKIFLI / BH]



Ahmad Zaid
turut aktif
bermain alat muzik.



Ahmad Zaid
Ismail

- **Tarikh lahir:** 8 Januari 1997
- **Tempat lahir:** Batu Gajah, Perak
- **Kedudukan dalam keluarga:** Anak kelima daripada enam beradik
- **Jurusan:** Doktor Perubatan, UPM
- **Pencapaian:**
 - **Presiden Mahasiswa Anak Negeri Perak (PEMARAK) UPM**
 - **Bendahari Persatuan Keusahawanan Putra (UEC)**
 - **Bendahari Persatuan Medik Putra**
 - **Ahli jawatankuasa dalam NAFAS Production**



Ahmad Zaid
bersama-sama rakan sekuliah Jurusan Perubatan UPM.

Bakal doktor serba boleh

→ Aktif dalam program keusahawanan, Zaid sering membuat persembahan muzik di pentas

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bergelar pelajar jurusan perubatan sering dikaitkan dengan kekangan masa untuk mereka aktif dalam pelbagai aktiviti luar.

Namun, persepsi berkenaan tidak mampu memberi gambaran tepat terhadap Ahmad Zaid Ismail, 22, yang cukup terkenal aktif menyertai pelbagai aktiviti seperti keusahawanan, seni, persatuan dan kesukarelawanan.

Anak jati Batu Gajah, Perak itu berkata, melanjutkan pengajian ke peringkat menara gading adalah impian setiap insan dan ibu bapa bagi melihat anak mereka berjaya.

"Mungkin ada sesetengah masyarakat berpendapat universiti ialah tempat untuk belajar dan menda-

patkan segulung ijazah.

"Bagi saya pula, universiti ialah sebuah tempat untuk melatih diri dalam membina kemahiran insaniah dan bukan akademik semata-mata," katanya ketika ditemui pada Malam Apresiasi Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM) 2018, di sini, baru-baru ini.

Berbakat senii

Ahmad Zaid mengakui pembabitan aktifnya tidak langsung mengganggu fokus dalam pembelajaran, sebaliknya mendorong dirinya menjadi manusia yang bijak dalam pengurusan masa.

Katanya, pembahagian masa adalah subjektif dan setiap orang mempunyai pengurusan masa yang berbeza.

"Sejurnya tidak mudah membahagiakan masa antara belajar dalam bidang perubatan dengan membentangkan diri dalam aktiviti lain di UPM,

namun disebabkan minat, saya mencuba sedaya upaya untuk membahagikan masa dengan sistematik serta teratur.

"Oleh itu, saya membuat jadual bagi setiap aktiviti yang disertai," kata pemilik kios perniagaan Zack's Delight.

Lebih menarik, Presiden Mahasiswa Anak Negeri Perak (PEMARAK) UPM itu turut aktif bermain alat muzik.

"Saya bersekolah di Sekolah Seni Malaysia Johor dan di sekolah itu saya mengambil alat muzik saksofon sebagai alat muzik utama, namun saya juga boleh bermain piano, gitar, trompet dan juga menyanyi."

"Ramai yang pelik melihat kelulusan saya sebagai bekas pelajar Sekolah Seni memilih jurusan perubatan. Tiada yang mustahil dan saya tetap ingin menggapai cita-cita menjadi seorang doktor perubatan, selain mengembangkan bakat dalam bidang seni," katanya.